



# icapital.biz perkenal dasar dividen inovatif kurangkan jurang harga saham, nilai aset bersih

Tan Teng Boo memainkan peranan penting dalam penggubalan dasar dividen inovatif tersebut.

Oleh DIYANA ISAMUDIN

[diyana@dagangnews.com](mailto:diyana@dagangnews.com) (<mailto:diyana@dagangnews.com>)



**KUALA LUMPUR 2 Okt** - Satu-satunya dana tertutup tersenarai di Malaysia, icapital.biz Berhad (ICAP) memperkenalkan dasar dividen inovatif untuk mengurangkan jurang harga saham ICAP dan nilai aset bersih (NAB) secara proaktif.

Ini mungkin mampu mendorong harga sahamnya kembali diniagakan pada premium, seperti yang dilakukannya ketika tiga tahun pertama ia disenaraikan, kata ICAP dalam satu kenyataan media hari ini.

Selain itu, ICAP juga memperkenalkan dasar pelaburan semula dividen (DRP), yang membolehkan pemegang saham memilih untuk melabur semula dividen mereka dalam saham ICAP yang baharu tanpa perlu membayar kos transaksi yang besar.

Dasar dividen inovatif, yang tertakluk kepada keadaan pasaran dan ekonomi serta falsafah pelaburan pelaburan nilai ICAP, dirumuskan dengan kadar asas (Base Rate) 1% daripada NAB sesaham, ditambah 8%, dirujuk sebagai kadar tambah nilai (top-up rate), daripada perbezaan antara harga saham ICAP dan NAB.

Dalam keadaan pasaran dan ekonomi normal, jangkaan hasil dividen adalah kira-kira 4% dan akan dibayar setiap tahun.

Pegawai Lantikan Khas ICAP, Tan Teng Boo berkata majoriti pemegang saham ICAP melabur untuk peningkatan modal jangka panjang, yang menjadi asas kepada reka bentuk dasar dividen inovatif tersebut.

Walaupun prestasi konsisten melebihi indeks MSCI Malaysia, sebagai penanda aras, beliau berkata harga saham ICAP telah didagangkan pada harga diskaun kepada NAB untuk sebahagian besar dalam 18 tahun yang lalu.

Oleh itu, katanya, ICAP ingin menyelesaikan masalah tersebut dengan cara yang paling cekap dan berhemat.

"Cadangan pelan DRP ini menjadi agenda utama kami. Ia juga menunjukkan bahawa kami yakin dengan prospek pertumbuhan ICAP.

"Jika anda percaya dengan peningkatan modal jangka panjang ICAP, DRP menyediakan saluran baik kepada pemegang saham untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam ICAP.

"Penerbitan saham baharu ICAP juga akan meningkatkan kecairan saham, yang telah terjejas teruk oleh pihak institusi," ujar beliau.

Bersama dua pakar kewangan dari University of Technology Sydney di Australia, Tan Teng Boo akan memberikan penjelasan yang lebih terperinci mengenai dasar dividen inovatif ini pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-19 ICAP (AGM), yang akan diadakan pada 4 November 2023 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Setakat 20 September 2023, jumlah NAB bersih ICAP berada pada RM505.4 juta dengan 140 juta saham terkumpul.

Dalam tempoh tiga tahun dari 21 Sep 2020 hingga 20 Sep 2023, indeks MSCI Malaysia mengalami penurunan sebanyak 8.66%, manakala NAB dan harga saham ICAP masing-masing meningkat sebanyak 34.03% dan 53.53%. - **DagangNews.com** (<https://dagangnews.com>)